



**INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) PERAI  
JABATAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

# **PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU SESI 2/2021**

## **ILP PERAI, PULAU PINANG**

LORONG PERUSAHAAN SATU,  
KAWASAN PERUSAHAAN PERAI,  
13600 PERAI, PULAU PINANG.

Tel: 04-3907269 / 04-3907335

Faks: 04-3986964

Web: <http://www.ilpperai.gov.my>



## **PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU**

Sila baca panduan pendaftaran ini dengan teliti dan ambil tindakan yang sewajarnya. Pihak ILP Perai mengalu-alukan kedatangan anda dan pihak kami juga mengucapkan selamat maju jaya.

\*\* Tempat latihan dan kursus yang ditawarkan adalah **MUKTAMAD**. Sebarang pertukaran tempat latihan dan kursus tidak akan dilayan.

\*\* Calon dianggap **TIDAK BERMINAT** sekiranya **GAGAL MENDAFTAR DIRI** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

### **1. Bayaran Pendaftaran**

Bayaran pendaftaran termasuk mengikut kursus yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran B**. Bayaran boleh dibuat **secara TUNAI pada hari pendaftaran**

### **2. Bayaran Yuran Pengajian**

Struktur yuran pengajian peringkat **DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TAHAP 4)** adalah seperti di **Lampiran C**. Bayaran boleh dibuat **secara TUNAI atau melalui skim Pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)**

### **3. Pemeriksaan Perubatan / Pergigian Untuk Mengikuti Kursus di ILJTM.**

Sila isikan **Borang Pemeriksaan Kesihatan ILJTM** dengan lengkap. Calon dibenarkan untuk menjalankan pemeriksaan perubatan /pergigian sama ada di **HOSPITAL/KLINIK KERAJAAN atau SWASTA yang berdaftar**.

*\*Borang yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada institut pada hari pendaftaran.*

### **4. Mengemukakan Kad Pengenalan dan Sijil**

Sila kemukakan kad pengenalan, sijil/slip SPM asal dan sertakan sesalinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan semasa pendaftaran.

### **5. Penyediaan Dokumen**

Sila isikan **Surat Setuju Terima Tawaran (Lampiran A) Ke Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)**, pos/faks surat berkenaan ke institut yang berkaitan.

Sila muat turun borang-borang pendaftaran di laman sesawang [www.ilpperai.gov.my](http://www.ilpperai.gov.my) .

Sila lengkapkan semua borang Pendaftaran Pelajar (rujuk senarai semak di bil. 7).

Sediakan **empat (2) salinan kad pengenalan serta empat (4) keping gambar berukuran passport**.

## 6. Bayaran Elaun Wang Saku Pelajar

Calon dikehendaki membuka akaun **CIMB Bank Berhad** untuk tujuan pembayaran elaun.

Sila sediakan dua (2) **SALINAN** bank akaun yang menunjukkan nama serta nombor akaun dan dua (2) salinan Kad Pengenalan.

\*Salinan perlu dibawa semasa hari pendaftaran.

## 7. Senarai Semak Lampiran Surat Tawaran

Sila buat penyediaan serta susunan borang dan dokumen mengikut senarai semak yang seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Tindakan Calon
1.	Panduan Pendaftaran Pelajar Baru	Semakan/Panduan
2.	Lampiran A – Surat Jawapan Terima Tawaran kemasukan	Calon perlu muat turun dari laman sesawang <a href="http://www.ilpperai.gov.my">www.ilpperai.gov.my</a> *Dipos Atau Faks Ke Institut sebelum: <b>30 Jun 2021</b>
3.	Lampiran B – Bayaran Pendaftaran Pelajar Ke Ilp Perai Kemasukan Sesi 2/2021	Bayaran boleh dibuat <b>secara TUNAI pada hari pendaftaran</b> . Sila rujuk Jumlah bayaran yang perlu disediakan di Lampiran B
4.	Surat Tawaran kemasukan	Calon perlu membuat salinan dan di bawa semasa pendaftaran
5.	Borang Pendaftaran Pelajar (BK-T06-01)	Isi dengan lengkap *Dibawa Semasa Hari Pendaftaran *Lekatkan gambar terkini berukuran Passport
6.	i. Borang Kebenaran Ibu/bapa/penjaga rawatan pembedahan (Borang C) ii. Ikrar pelajar lepas tanggung (Borang D)	Isi dengan lengkap *Dibawa Semasa Hari Pendaftaran
7.	Pengakuan Pelajar (Borang E )	Isi dengan lengkap Dibawa Semasa Hari Pendaftaran
8.	Borang Maklumat Kad Pelajar	Isi dengan lengkap *Dibawa Semasa Hari Pendaftaran *Lekatkan gambar terkini berukuran Passport
9.	Pemeriksaan Perubatan	Calon Perlu Membuat Pemeriksaan Perubatan Seper ti Yang Diarahkan, *Sila Bawa Borang Yang Lengkap Semasa Hari Pendaftaran.
10	<b>Membuka akaun CIMB Bank Berhad (Calon Sijil Teknologi –Tahap 3 sahaja)</b>	<b>Sediakan dua (2) SALINAN bank akaun yang menunjukkan nama serta nombor akaun dan dua (2) salinan Kad Pengenalan</b> *Dibawa Semasa Hari Pendaftaran

11	<p><b>Lampiran D - Calon Diploma Kemahiran Malaysia –Tahap 4 sahaja</b></p> <p>Panduan Memohon Pinjaman PTPK</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Maklumat Pemohon</li> <li>ii. Maklumat Bapa/Penjaga</li> <li>iii. Maklumat ibu</li> <li>iv. Maklumat Penjamin</li> </ul>	<p>Calon perlu muatturun dari laman sesawang <a href="http://www.ilpperai.gov.my">www.ilpperai.gov.my</a></p> <p>Isi dengan lengkap</p> <p>*Dibawa Semasa Hari Pendaftaran</p>
----	---	--

### 8. Syarat Tambahan

- Sila lengkapkan semua borang-borang yang berkenaan sebelum pendaftaran, rujuk perkara 6.
- Kemudahan **ASRAMA, MAKAN** dan **MINUM TIDAK DISEDIAKAN** oleh pihak **institusi**. Pelajar Sijil diberi elaun wang saku **RM300.00** sebulan sepanjang tempoh latihan.
- *Institusi berhak menarik balik tawaran ini pada bila-bila masa atau menyingkirkan calon jika pada satu-satu masa sepanjang tempoh latihan didapati kenyataan dan maklumat yang diberikan oleh calon adalah palsu.*
- Calon dinasihatkan menyediakan keperluan peribadi dan keperluan berkaitan seperti yang tercatat di dalam jadual untuk aktiviti yang dirancang oleh institut.

BIL.	Peralatan / Pakaian	CATATAN
1.	Seluar slack berwarna gelap	Pakaian semasa Majlis Perasmian/Majlis Penutup dan untuk setiap aktiviti ceramah sepanjang MSK
2.	Kasut berwarna hitam atau gelap	
3.	Stoking berwarna gelap	
4.	Kasut bertutup bagi pelajar wanita	
5.	Seluar "track-bottom" & pakaian sukan	Pakaian semasa Aktiviti Sukan dan Aktiviti Luar
6.	Kasut Sukan	
7.	Baju Melayu dan songkok bagi pelajar lelaki Muslim	Pakaian semasa Aktiviti Surau dan Ceramah Agama
8.	Baju Kurung bagi pelajar wanita	

## **PERATURAN SAHSIAH RUPA DIRI**

### **1. HARI PENDAFTARAN**

- a. Pelajar diwajibkan **berambut pendek dan kemas** (pelajar lelaki) dan **berpakaian kemas**:
  - i. Pelajar lelaki - **berkemeja, berseluar 'slack', berkasut dan berstoking.**
  - ii. Pelajar perempuan **berbaju kebangsaan (Muslim) atau pakaian yang sopan / tidak menjolok mata (bukan Muslim), berkasut dan berstoking.**
- b. Pakaian yang dilarang semasa pendaftaran - topi, baju-T, seluar 'Jeans', seluar pendek, seluar sukan.

### **2. MINGGU SUAI KENAL (MSK)**

\* Semua pelajar **WAJIB** hadir MSK\*

- a. Majlis perasmian dan penutup MSK- berpakaian kemas.
- b. Aktiviti Riadah/Sukan - Seluar track bottom, Baju-T ILP berkolar dan kasut sukan.
- c. Ceramah – rujuk jadual ceramah yang disediakan di dalam buku program MSK.
- d. Aktiviti kerohanian - Pelajar lelaki digalakkan membawa baju melayu lengkap untuk solat berjemaah di surau ILP.
- e. Pelajar wanita digalakkan memakai baju berlengan panjang

### **3. SESI LATIHAN / KULIAH**

- a. Baju-T ILP Perai dan Jaket JTM. Baju-T dimasukkan ke dalam seluar bagi pelajar lelaki.
- b. Seluar 'slack' hitam/gelap (**seluar 'Jeans' tidak dibenarkan**).
- c. Kasut bertutup di bahagian hadapan hingga paras buku lali (**selipar / sandal tidak dibenarkan**).
- d. Berambut pendek dan kemas bagi pelajar lelaki.
- e. Semua pelajar **WAJIB** memakai Kad Matriks sepanjang tempoh latihan.
- f. Pelajar wanita digalakkan memakai baju berlengan panjang

## Lampiran B

**BAYARAN PENDAFTARAN PELAJAR KE ILP PERAI KEMASUKAN SESI 2/2021****Kursus Sijil Teknologi Kimpalan / Automotif / Komputer (Sistem)**

<b>Perkara</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
A. KEPERLUAN KURSUS (Fail portfolio)	30.00
B. KEPERLUAN PELAJAR (Baju T-shirt, jaket JTM, seluar bengkel, baju korporat dan lain-lain)	440.00
C. INSURANS PELAJAR (Perlindungan 1 tahun)	30.00
D. BAYARAN AKTIVITI (Ko-kurikulum, Sukan dan MPP)	180.00
<b>Jumlah Keseluruhan Bayaran</b>	<b>RM 680.00</b>

**Kursus Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)**

<b>Perkara</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
A. KEPERLUAN KURSUS (fail portfolio)	20.00
B. KEPERLUAN PELAJAR (baju T-shirt, jaket JTM, seluar bengkel, baju korporat dan lain-lain)	230.00
C. INSURANS PELAJAR (perlindungan 1 tahun)	30.00
D. BAYARAN AKTIVITI (ko-kurikulum, sukan dan MPP)	180.00
<b>Jumlah Keseluruhan Bayaran</b>	<b>RM460.00</b>

***\*Pembayaran perlu dibuat di Kaunter Bayaran semasa hari pendaftaran***

**STRUKTUR YURAN PENGAJIAN PERINGKAT DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TAHAP 4)**

<b>Tempoh Latihan</b>	<b>18 bulan ( 2 semester latihan &amp; 1 semester latihan industri )</b>	
<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah</b>
1	Yuran Pengajian	RM3000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM3000.00</b>

**Nota : -**

- i. Yuran pengajian diambilkira dari tempoh latihan di institut sahaja. Sepanjang tempoh Latihan Industri (1 semester) tidak dikenakan yuran pengajian
- ii. Pinjaman untuk pembiayaan yuran pengajian adalah melalui Tabung pembangunan Pinjaman Kemahiran (PTPK) bawah Kementerian Sumber Manusia.
- iii. Bagi calon yang tidak membuat pinjaman, yuran pengajian boleh dibayar secara TUNAI kepada institut mengikut semester pengajian.
- iv. Bayaran yuran asrama tidak dikenakan kerana ILP Perai tidak menyediakan kemudahan asrama kepada pelajar-pelajar.

## **BORANG PERMOHONAN PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)**

### **PANDUAN MEMOHON PINJAMAN PTPK :**

1. Semua tulisan mestilah HURUF BESAR.
2. Nama penuh **MESTILAH SAMA** seperti dalam kad pengenalan.
3. Penjamin mestilah **WARGANEGARA MALAYSIA** berumur di antara **21 tahun hingga 50 tahun** (jika penjamin selain daripada IBU/BAPA) dan berpendapatan antara RM700-5000/Sebulan.  
( **Syarat umur 60 tahun sekiranya Penjamin adalah ibu atau bapa SAHAJA** dan pendapatan melebihi RM300 hingga RM5000 sahaja)
4. SYARAT PERLU ADA BAGI PEMOHON :
  - 1 salinan kad pengenalan
  - 1 salinan sijil kelahiran
  - 1 salinan surat tawaran belajar
  - 1 salinan Bank statement **CIMB SAHAJA**
  - 1 salinan Bil utiliti terkini (**AIR, ELEKTRIK atau ASTRO**) (pastikan bil tersebut sama dengan alamat kediaman pemohon). Jika alamat pada Bil utiliti tidak sama seperti alamat rumah sila guna Surat pengesahan alamat tetap surat menyurat (disertakan dalam surat tawaran belajar). Pastikan surat tersebut **disahkan oleh Ketua kampung/Penghulu/Pengerusi JKKK tempat tinggal pemohon SAHAJA.**
5. SYARAT PERLU ADA BAGI PENJAMIN :
  - 1 salinan kad pengenalan
  - 1 salinan slip gaji (YANG TERKINI )
  - Borang Akaan Pengesahan Pendapatan (bagi yang tiada penyata gaji) – Peringatan !  
PENGESAHAN bagi Borang Akaan Pengesahan Pendapatan hanya boleh dibuat oleh **Ketua Kampung / Penghulu / Pengerusi JKKK / Jaksa Pendamai / ADUN SAHAJA mengikut tempat tinggal penjamin.**
6. SYARAT PERLU ADA BAGI IBU DAN BAPA :
  - 1 salinan slip gaji IBU jika bekerja (YANG TERKINI ). Jika tidak bekerja sila nyatakan tidak bekerja pada borang maklumat di bawah.
  - 1 salinan slip gaji BAPA jika bekerja (YANG TERKINI ).
  - Borang Akaan Pengesahan Pendapatan BAPA (bagi yang tiada penyata gaji) – Peringatan !  
Pengesahan bagi Borang akaan pendapatan hanya boleh dibuat oleh **Ketua Kampung / Penghulu / Pengerusi JKKK / Jaksa Pendamai / ADUN SAHAJA.**
  - Jika penjamin adalah dikalangan IBU atau BAPA hanya **1 (SATU)** salinan SAHAJA perlu diserahkan.
7. Semua salinan (KECUALI Borang Pengesahan Akaan Pendapatan) perlu disahkan oleh pegawai kerajaan **gred A SAHAJA.**



**PERHATIAN :**  
**HANYA DOKUMEN YANG LENGKAP SAHAJA AKAN DIPROSES UNTUK PERMOHONAN PINJAMAN PTPK**

**MAKLUMAT PEMOHON (Mengikut Kad pengenalan)**

1. Nama Penuh (Pemohon) : \_\_\_\_\_
2. No. Kad pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Kursus : \_\_\_\_\_
4. Umur : \_\_\_\_\_
5. Jantina : Lelaki / Perempuan (Potong yang tidak berkenaan)
6. Agama : \_\_\_\_\_
7. Bangsa : Melayu / Cina / India / Lain-lain
8. Warganegara : Ya / Bukan
9. Status Perkahwinan : Bujang / Berkahwin
10. E-Mail Address (WAJIB ADA): \_\_\_\_\_
11. No. Telefon : \_\_\_\_\_ (R) \_\_\_\_\_ (H/P)
12. Alamat Tetap / Surat Menyurat (sila isi dengan lengkap) :  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**Pastikan  
di isi  
dengan  
lengkap**

**MAKLUMAT BAPA / PENJAGA (Mengikut Kad Pengenalan)**

(JIKA TELAH MENINGGAL SILA NYATAKAN TELAH MENINGGAL)

1. Nama Penuh (Bapa / Penjaga) : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Warganegara : Ya / Bukan (Potong yang tidak berkenaan)
4. Bangsa : Melayu / Cina / India / Lain-lain
5. Agama : Islam/ Budha / Hindu / Kristian / Lain-lain (Potong yang tidak berkenaan)
6. Taraf perkahwinan : \_\_\_\_\_
7. Alamat Tetap / Surat Menyurat (sila isi dengan lengkap):  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
8. Hubungan dengan pelajar : \_\_\_\_\_ (Cth : Bapa/Bapa tiri/Bapa angkat/Ibu/Penjaga)
9. No. Telefon : \_\_\_\_\_ (R) \_\_\_\_\_ (HP)
10. Pekerjaan : \_\_\_\_\_
11. Nama Majikan (Cth : Pengurus/Pengetua/Guru Besar/Pengarah) : \_\_\_\_\_
12. Alamat dan Nama Syarikat/Premis majikan (sila isi dengan lengkap) :  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
13. No. Tel Majikan : \_\_\_\_\_ No Faks : Majikan : \_\_\_\_\_
14. Pendapatan Bulanan : RM \_\_\_\_\_ (Gaji Penuh)

**Pastikan  
di isi  
dengan  
lengkap**

**MAKLUMAT IBU (Mengikut Kad Pengenalan)**

(JIKA TELAH MENINGGAL SILA NYATAKAN TELAH MENINGGAL)

1. Nama Penuh (Ibu) : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Warganegara : Ya / Bukan (Potong yang tidak berkenaan)
4. Bangsa : Melayu / Cina / India / Lain-lain
5. Agama : Islam/ Budha / Hindu / Kristian / Lain-lain (Potong yang tidak berkenaan)
6. Taraf perkahwinan : \_\_\_\_\_
7. Alamat Tetap / Surat Menyurat (sila isi dengan lengkap) :  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
8. Hubungan dengan pelajar (Cth : Bapa/Bapa tiri/Bapa angkat/Ibu/Penjaga): \_\_\_\_\_
9. No. Telefon : (R) \_\_\_\_\_ (HP) \_\_\_\_\_
10. Pekerjaan : \_\_\_\_\_
11. Nama Majikan : \_\_\_\_\_ (Cth : Pengarah / Pengetua / Pengurus)
12. Alamat Majikan :  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
13. No. Tel Majikan : \_\_\_\_\_ No. Faks Majikan : \_\_\_\_\_
14. Pendapatan Bulanan : RM \_\_\_\_\_ (Gaji Penuh)

Pastikan  
di isi  
dengan  
lengkap

**MAKLUMAT PENJAMIN (Mengikut Kad pengenalan)**

(PASTIKAN MAKLUMAT ADALAH TEPAT)

1. Nama Penuh (Penjamin) : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_ Umur : \_\_\_\_\_
4. Warganegara : Ya / Bukan
5. Bangsa : Melayu / Cina / India / Lain-lain
6. Taraf Perkahwinan : Bujang / Berkahwin
7. Agama : Islam/ Budha / Hindu / Kristian / Lain-lain (Potong yang tidak berkenaan)
8. Alamat Tetap / Surat Menyurat :  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
9. Hubungan Dengan Pelajar (Cth: Bapa/Ibu/Kakak/Abang/Sepupu/Bapa saudara) : \_\_\_\_\_
10. No. Telefon : (R) \_\_\_\_\_ (H/P) \_\_\_\_\_
11. Pekerjaan : \_\_\_\_\_
12. Nama Majikan : \_\_\_\_\_ (Cth : Pengarah / Pengetua / Pengurus)
13. Alamat Majikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
14. No. Tel Majikan : \_\_\_\_\_ No Faks Majikan : \_\_\_\_\_
15. Pendapatan Bulanan : RM \_\_\_\_\_ (Gaji penuh)

Pastikan  
di isi  
dengan  
lengkap

PETA LOKASI ILP PERAI

